

## MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA BIL.1/2024

**20 Mac 2024** - Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Bil.1/2024 telah diadakan di Bilik Berlian, Menara Kerja Raya. Mesyuarat yang bermula jam 9.00 pagi telah melibatkan Dato' Ir. Haji Ibrahim Bin Esa (Menjalankan Tugas) Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Infra), semua Pengarah Kanan, Pengarah Cawangan yang hadir secara fizikal dan pengarah JKR Negeri yang menghadiri mesyuarat secara atas talian. Mesyuarat disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Pakar), Datuk Sr Amran Bin Hj. Mohd Majid.

Punca kuasa Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Bil.1/2024 adalah daripada Arahan Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri No.1 Tahun 2023- GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL : Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri Dan Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan. Mesyuarat JTK menjadi platform untuk Pengurusan Atasan di jabatan berkongsi membincangkan isu dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh organisasi kearah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Ini kerana komitmen daripada Pengurusan Atasan adalah penting bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan gerakan pemantapan tatakelola nasional.

Antara perkara yang telah dibincangkan semasa Mesyuarat yang lepas adalah:

- i) Isu tatakelola yang berbangkit
- ii) Amalan terbaik yang dikongsikan oleh Cawangan Kerja Keselamatan (CKS) dan JKR Negeri Sembilan
- iii) Pembentangan deraf semakan semula separuh penggal *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) oleh Ketua Unit Bahagian Integriti.
- iv) Pembentangan *Corruption Risk Management* (CRM) Oleh wakil daripada JKR Negeri Sembilan

Datuk Sr Amran Bin Hj. Mohd Majid menyeru agar semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan dan Pengarah JKR Negeri mengenal pasti, menentukan isu-isu berimpak tinggi yang berkaitan kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah di pejabat masing-masing untuk diangkat ke mesyuarat ini. Ini kerana urusetia JTK mendapati bahawa isu yang diangkat ke mesyuarat JTK ini adalah sangat rendah sedangkan laporan aduan salahlaku di JKR yang diterima adalah tinggi. Datuk juga berharap supaya Mesyuarat JTK ini dapat dimanfaatkan sebaiknya sebagai platform untuk mencadangkan isu-isu tatakelola dan dibincangkan bersama pengurusan tertinggi untuk penambahbaikan di jabatan.





